

## **PANDUAN MENANAM TERUNG**

### **PENANAMAN**

#### **Di Ladang**

Bajak dan gemburkan tanah sedalam 15 hingga 22 cm (6-9 in). Sediakan batas berukuran 1.2 m ( 48 in) lebar dan 22-30 cm (9-12 in) tinggi. Panjang batas mengikut keadaan kawasan. Jarak antara batas ialah 45 cm (18 in). Gaulkan tahi ayam reput ke dalam tanah sebanyak 50 kg bagi 50 meter persegi ( 500 kaki persegi).

#### **Dalam Pasu atau Bekas**

Gunakan tanah campuran mengandungi 3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput atau kompos dan 1 bahagian pasir. Isikan tanah campuran tersebut ke dalam pasu sehingga 5 cm (2 in) dari permukaan pasu.

### **MENYEDIA ANAK BENIH**

Bagi tanaman di ladang, sediakan kotak semaiannya berukuran 45 cm ( 18 in) panjang, 22 cm (9 in) lebar dan 10 cm (4 in) tinggi. Isikan kotak semaiannya dengan tanah campuran yang mengandungi 3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput atau kompos dan 1 bahagian pasir. Semai 3 g biji benih kedalam kotak semaiannya secara barisan dan tutup benih dengan lapisan nipis tanah. Jarak antara barisan biji benih ialah 5 cm (2 in) dan 2 cm (1 in) antara benih. Siram dengan penyiram yang mempunyai semburan halus dua kali sehari. Kotak semaiannya mesti dilindungi cahaya matahari dan air hujan yang berlebihan. Ubah anak benih ke ladang 3 hingga 4 minggu selepas disemai. Sebelum diubah ke ladang, dedah anak benih kepada cahaya matahari yang penuh selama 3 hingga 4 hari untuk mengeraskannya.

### **MENANAM**

#### **Di Ladang**

Anak benih yang berumur 3 hingga 4 minggu boleh di ubah terus ke batas. Sebelum mencabut, basahkan kotak semaiannya supaya anak benih senang di gali. Kemudian, gali anak benih dengan segumpal tanah dan tanam terus ke batas. Jarak tanaman ialah 90 cm (36 in) antara pokok dan 60 cm antara baris.

#### **Dalam Pasu atau Bekas**

Tanam terus 3 atau 4 biji benih ke dalam pasu sedalam 2-5 cm ( 1 in). Tinggalkan sepokok sepasu 2 minggu selepas menanam.

### **PENJAGAAN**

#### **Menyiram**

Siram tanaman pada awal pagi dan lewat petang setiap hari kecuali hari hujan.

#### **Membaja**

#### **Di Ladang**

Tabur bahan NPK 12:12:17:2 di keliling pokok dengan kadar 1 sudu besar atau 10 g sepokok setiap dua minggu.

#### **Dalam Pasu atau Bekas**

Tabur 1 sudu teh atau 5 g bahan NPK 12:12:17:2 sepasu di keliling pokok setiap minggu.

#### **Sungkupan**

#### **Di Ladang**

Gunakan kepingan plastik atau rumput-rumput kering atau pelepah kelapa sebagai sungkupan.

#### **Dalam Pasu atau Bekas**

Gunakan rumput-rumput kerung atau sabut kelapa.

#### **Merumput**

Bersihkan batas-batas daripada rumput rumpai dengan menggunakan tangan, cangkul atau tajak.

## **Menyedia Sokongan**

Di Ladang

Satu kayu sokongan sepanjang lebih kurang  $1\frac{1}{2}$  meter ( 5 kaki) dipacak berdekatan tiap-tiap pokok. Dahan-dahan pokok diikat dengan tali rafia supaya buah terung tidak terkena permukaan tanah.

Dalam Pasu atau Bekas

Cara sokongan yang di amalkan adalah sama dengan sokongan yang dibuat di ladang tetapi kayu yang digunakan berukuran 1.2 m ( 4 kaki ) panjang.

## **KAWALAN SERANGGA DAN PENYAKIT**

Sembur racum serangga carbaryl (Sevin pada kadar 1 sudu besar atau 10 g segelen air ) untuk mengawal ulat lipas daun, kumbang daun dan pengorek buah.

Gunakan racun kulat maneb ( seperti Megamaneb pada kadar 1 sudu besar atau 10 g segelen air) untuk mengawal penyakit reput buah dan racun kulat benomyl ( seperti Benlate pada kadar 1 sudu teh atau 3 g segelen air) untuk mengawal bintik daun.

## **MEMUNGUT HASIL**

Di Ladang

Mulalah memetik buah 6 minggu selepas mengubah. Pungutan hasil dibuat setiap 4 hari. Anggaran hasil ialah sebanyak 75 – 125 kg bagi 50 meter persegi. Denagn harga purata 60 sen sekilo, pendapatan kasar adalah RM 45 – RM 75.

Dalam Pasu atau Bekas

Mulalah memetik buah 10 minggu selepas menanam. Anggaran hasil adalah 1 kg/pokok.